

21 JUN 1998

Umno - Gulung (Reaksi)

TERIMA PENJELASAN PRESIDEN SEBAGAI NASIHAT

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Pergerakan Pemuda menerima penjelasan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai teguran dan nasihat.

"Terimalah ia dengan niat yang baik demi faedah parti. Janganlah menjadikannya suatu isu untuk perbalahan yang berpanjangan," katanya ketika ditemui selepas berakhirnya Perhimpunan Agung UMNO di sini, hari ini.

Dr Mahathir semasa menggulung perbahasan di hari terakhir perhimpunan agung parti hari ini menegur tindakan Pemuda membangkitkan isu nepostime dan kronisme secara terbuka menerusi media massa dan beliau melahirkan rasa kesal kerana Pemuda tidak menghirau permintaannya sebelum ini supaya perkara itu dibincangkan secara tertutup.

Abdullah berkata, Pemuda hendaklah ingat akan pentingnya menggunakan institusi parti seperti Majlis Tertinggi bagi perbincangan dan musyawarah bagi semua masalah yang wujud dan berlaku yang dirasakan boleh menjejaskan parti.

Beliau yakin semua anggota UMNO berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan presiden parti dan memahami apa sebenarnya yang berlaku di sebalik isu yang telah ditimbulkan.

Dalam ucapannya sebelum menutup perhimpunan, Dr Mahathir menjelaskan dengan panjang lebar mengenai isu nepotisme dan kronisme yang ditimbulkan Ketua Pemuda UMNO Datuk Ahmad Zahid Hamidi dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Pergerakan Pemuda Khamis lepas.

Antara lain, Zahid mendakwa, nepotisme dan kronisme wujud dalam pemberian tender dan kontrak oleh syarikat-syarikat gergasi di negara ini.

Abdullah berkata, Pemuda juga harus sedar akan bahayanya isu itu dipolitikkan kerana ia banyak membawa kesan yang tidak baik seperti pecah-belah dalam parti.

Ketika ditanya sama ada Pemuda harus meminta maaf kerana membuat kenyataan tanpa usul periksa, beliau berkata: "PM sendiripun tak suruh dia minta maaf".

Abdullah juga berkata, barisan kepimpinan perlu dirapatkan semula selepas perhimpunan ini.

"Sudah semestinya selepas mesyuarat (parti), kita akan meneruskan kerja kita. Antara perkara utama yang kita akan lakukan ialah memberikan penerangan kepada anggota UMNO mengenai apa yang berlaku dan betapa perlunya kita bersatu padu dan bekerjasama bagi menjaya perjuangan parti," katanya lagi.

Ketika ditanya sama ada tindakan Pemuda itu telah merosakkan nama baik negara, Abdullah berkata, ia mungkin tidak membawa kesan yang terlalu buruk kerana ia adalah isu baru.

Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata isu nepotisme dan kronisme harus berakhir dan tidak lagi dijadikan tanda tanya oleh anggota-anggota UMNO.

"Isu ini perlu dihentikan mulai sekarang kerana penjelasan penuh telahpun diberi oleh Presiden," katanya.

Beliau turut bersetuju supaya semua anggota UMNO menerima pesanan dan teguran Presiden dan menggunakan saluran-saluran tertentu seperti mesyuarat Majlis Tertinggi bagi membincangkan sebarang masalah parti.

--BERNAMA

NZ oba